

**LAWATAN KE AKTIVITI PENGUSAHASILAN BAGI TUJUAN PEMBANGUNAN VIDEO  
TUTORIAL DAN DOKUMENTARI MODUL PELAKSANAAN DAN PENGGUNAAN  
SISTEM SMART PATROL DI BAWAH PROJEK UNDP/GOM: ICCFS  
DI DAERAH HULU PERAK**

Disediakan oleh: Muhammad Shahrul Anuar Bin Hasaini

Jabatan Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan

**GERIK, 23 MEI 2023**

Pada masa kini Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK) telah mengorak langkah melaksanakan aktiviti pemantauan, rondaan dan penguatkuasaan berdasarkan SMART (*Spatial Monitoring and Reporting Tool*) dalam pengukuhan membanteras jenayah perhutanan dan hidupan liar di dalam Hutan Simpanan Kekal di bawah Operasi Rondaan dan Penguatkuasaan Bersepadu SMART Patrol Negeri Perak.

Susulan itu, JPNPK telah terpilih sebagai projek perintis bagi Program Tutorial Modul Pelaksanaan Sistem SMART Patrol dalam Kawasan Pengusahailan Hutan Semenanjung Malaysia. Satu lawatan ke kawasan pengusahailan hutan telah dijalankan di dalam Sebahagian Kompartmen 343, Hutan Simpan Bintang Hijau, Gerik dan turut hadir Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (Operasi & Teknikal), YBhg. Dato' Mohd Rahim bin Rani.

Tujuan utama program ini diadakan adalah bagi memberi peluang kepada pegawai lapangan dan pegawai kanan Jabatan untuk menyemak laporan yang telah tersedia dan selanjutnya memberi sebarang pandangan, cadangan atau maklum balas ke atas cadangan pembangunan modul yang akan dibangunkan oleh pihak perunding bagi aspek data-data pemantauan kawasan pengusahailan hutan.



Penerangan kawasan pengusahaan hutan oleh Pegawai Hutan Daerah Hulu Perak,  
Encik Azrul Ekhuan bin Eliah.



Pembahagian pasukan untuk mengumpul data-data pemeriksaan kawasan pengusahaan silan hutan yang diperlukan.



Perbincangan penyelarasan hasil pemeriksaan yang dijalankan di dalam kawasan pengusahasilan hutan.